

**TEKS UCAPAN**

**MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM HARI TERBUKA MITI  
*MITI ASEAN DAY (2025)***

**OLEH**

**YB LIEW CHIN TONG  
TIMBALAN MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN  
INDUSTRI**

**14 NOVEMBER 2025 (JUMAAT)**

---

Selamat Petang dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berbahagia Dato' Hairil Yahri Yaacob,  
Ketua Setiausaha MITI

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha MITI,

Ketua-ketua Agensi MITI,

Ketua-Ketua Persatuan Industri,

Pempamer-Pempamer,

Rakan-Rakan Media; dan

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

1. Pertama sekali, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi, kerana dengan izin-Nya jua, kita sekali lagi dapat berhimpun pada hari Jumaat yang mulia ini, bagi menjayakan MITI ASEAN Day 2025.

2. Terima kasih kepada semua yang hadir, khususnya wakil-wakil daripada pihak industri yang boleh kita gelar sebagai '*the friends of MITI*' - kerana senantiasa bersedia memberi sokongan ke atas program-program yang dianjurkan oleh Kementerian ini.

3. Terima kasih, Syabas dan Tahniah juga diucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur MITI ASEAN Day 2025, serta semua warga MITI dan agensi-agensi MITI yang telah menggembleng tenaga dan menzahirkan kerjasama cemerlang sehingga berjaya menarik penyertaan lebih 100 syarikat tempatan dan antarabangsa bagi menjayakan program kita pada hari ini.

4. Kehadiran jenama-jenama global dan tempatan yang terkemuka ini bukan sahaja membuktikan kerjasama erat di antara Kerajaan, khususnya MITI dengan pihak swasta, tetapi turut memberi peluang kepada semua para pengunjung untuk mengenali jenama-jenama ini dengan lebih dekat lagi. Malah, seperti mana tahun-tahun lalu, antara program utama yang mendapat sambutan hangat sempena MITI Day adalah 'Karnival Kerjaya' - dan pada tahun ini lebih 2,000 peluang pekerjaan boleh ditinjau oleh para pengunjung MITI Day 2025. Fokus khas diberikan kepada kerjaya dalam bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), bagi memperkenalkan laluan kerjaya ini kepada para pengunjung.

5. Tahun 2025 merupakan tahun yang sangat bermakna kepada Malaysia, di mana negara kita telah mempengerusikan Asean, dan Sidang Kemuncak Asean telah berlangsung dengan jayanya baru-baru ini, dengan kehadiran beberapa pemimpin dunia, selain daripada pemimpin-pemimpin negara serantau.

6. Sebagai Pengerusi Asean, Malaysia telah menempa sejarah baharu dan mencipta beberapa kejayaan utama, seperti:

- i) memuktamadkan penyertaan rasmi Timor-Leste sebagai ahli ke-11 ASEAN;
- ii) daripada sudut ekonomi pula, 18 Keberhasilan Ekonomi Berkeutamaan ASEAN (*Priority Economic Deliverables – PEDs*) telah berjaya dihasilkan; dan
- iii) inisiatif-inisiatif untuk memperkukuh perdagangan serantau melalui seperti ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA) dan *ASEAN China Free Trade Area (ACFTA) 3.0 Upgrade Protocol*.

7. Sehubungan dengan itu, MITI dan Agensi akan terus memberi pelbagai sokongan dan bimbingan agar perjanjian-perjanjian serantau tersebut dapat dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat tempatan.

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

8. Pada Hari Terbuka ASEAN MITI ini juga, kita akan dapat menyaksikan rangkaian Pameran Industri dan Perdagangan, yang mana Pameran ini akan memberikan ruang kepada para pengunjung untuk mengenali fungsi dan sumbangan MITI yang mungkin tidak disedari dan dirasai oleh rakyat selama ini.

9. Selain itu, kita juga semua akan menyaksikan Anugerah Standard dan Akreditasi Kebangsaan Tahun 2024. Anugerah Standard dan Akreditasi Kebangsaan ini dianjurkan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) merupakan pengiktirafan tertinggi untuk mengiktiraf individu-individu yang telah banyak memberi sumbangan

besar dalam bidang standardisasi dan akreditasi di Malaysia. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua penerima.

10. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir dan menjayakan ASEAN MITI Day 2025.

11. Izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun...

Dari Korea merentas lautan,  
Badan penat, tidur pun tak lena;  
MITI Asean Day kami hidangkan,  
Demi rakyat.. Madani Bekerja.

Sekian, Terima kasih.